

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	JAS AKTIFKAN DUA TELAGA TIUB PADAM KEBAKARAN HUTAN
	SUMBER	BH ONLINE (14 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

JAS aktifkan dua telaga tiub padam kebakaran hutan

Oleh [Nor Amalina Alias](#) - Mei 14, 2024 @ 11:46am
bhnews@bh.com.my



Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kelantan, Wan Aminordin Wan Kamaruddin (dua, kanan) meninjau lokasi kebakaran tanah gambut di Beris Lalang, Bachok. - Foto IHSAN JAS KELANTAN

BACHOK: Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama agensi pelaksana Jabatan Mineral dan Geosains mengaktifkan dua daripada 15 telaga tiub di Bachok dan satu di Pasir Mas bagi membantu operasi memadam kebakaran hutan tanah gambut di negeri ini.

Pengarah JAS Kelantan, Wan Aminordin Wan Kamaruddin, berkata ia bagi membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan agensi terbabit dengan menyalurkan sumber air di lokasi kebakaran.

Katanya, telaga tiub di dua daerah itu dibina sejak 2009 dan tidak menolak kemungkinan menambah telaga tiub di lokasi lain jika memerlukan.

"JAS menerima 91 aduan dan laporan berkaitan kes kebakaran terutama di hutan tanah gambut membabitkan daerah Bachok, Pasir Puteh dan Pasir Mas.

"Mengikut rekod, keluasan tanah gambut di negeri ini adalah 7,692 hektar," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Wan Aminordin berkata, pihaknya melaksanakan pemantauan di lokasi kebakaran tanah gambut secara berterusan terutama sekitar Beris Lalang yang menyebabkan jerebu setempat.

Katanya, beberapa program kesedaran dilaksanakan buat orang ramai mengenai kesan pembakaran terbuka dan kebakaran tanah gambut.

"Kita juga menguatkuasakan undang-undang dengan mengenakan kompaun di bawah Seksyen 29(A) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 bagi individu yang didapati melakukan pembakaran terbuka.

"Sehingga 10 Mei lalu, kita sudah mengeluarkan empat kompaun manakala enam lagi dalam proses penyediaan kertas siasatan bagi kesalahan pembakaran terbuka," katanya.

Wan Aminordin berkata, sehingga kini Indeks Pencemar Udara (IPU) di Kelantan berada pada paras sederhana dan hanya sekali mencatat bacaan tidak sihat melebihi 100 untuk tempoh beberapa jam.

2.	TAJUK	PERUBAHAN MONSON, BILANGAN HARI TANPA HUJAN DIJANGKA MENINGKAT
	SUMBER	BH ONLINE (14 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Monsun Barat Daya bermula Jumaat, seluruh negara akan kurang alami hujan

Oleh [Suraya Ali](#) - Mei 14, 2024 @ 12:52pm
suraya.ali@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Orang ramai dinasihatkan tidak membuat pembakaran terbuka sepanjang tempoh Monsun Barat Daya yang bermula Jumaat ini, kerana boleh menyebabkan jerebu berlaku, terutamanya di antara Julai hingga September.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Muhammad Helmi Abdullah, berkata Monsun Barat Daya dijangka bermula 17 Mei ini akan berterusan sehingga September 2024.

"Semasa Monsun Barat Daya, lazimnya angin bertiup secara konsisten dari arah barat daya dengan kelembapan udara yang lebih rendah dan keadaan atmosfera yang lebih stabil.

"Ini menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan yang membawa kepada taburan hujan yang lebih rendah dalam tempoh berkenaan.

"Sehubungan itu, kebanyakan tempat di seluruh negara akan mengalami bilangan hari tanpa hujan lebih banyak berbanding bilangan hari hujan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata, pembakaran terbuka haruslah dielakkan bagi mengurangkan kesan jerebu dan pencemaran alam sekitar.

"Orang ramai juga disaran menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh ini," katanya.

Muhammad Helmi berkata, hujan lebat berserta angin kencang dan petir berikutan fenomena garis badai (squall line) masih boleh berlaku di pantai barat Semenanjung, utara Sarawak dan barat Sabah terutamanya pada awal pagi.

"Garis badai adalah barisan ribut petir yang terbentuk akibat penumpuan angin dan boleh berlarutan sehingga beberapa jam," katanya.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui laman web, aplikasi mobil myCuaca, media sosial rasmi Jabatan dan Hotline Jabatan Meteorologi Malaysia 1-300-22-1638 bagi sebarang pertanyaan lanjut.

3.	TAJUK	PELEPASAN AIR KUMBAHAN MENTAH PUNCA BAU BUSUK SG SELANGKAH
	SUMBER	BH ONLINE (14 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Pelepasan air kumbahan mentah punca bau busuk Sg Selangkah

Oleh [Mary Victoria Dass](#) - Mei 14, 2024 @ 2:41pm
bhnews@bh.com.my



Keadaan Sungai Selangkah, Pasir Gudang dipantau daripada semasa ke semasa berikutan pengaduan pencemaran bau.- Foto NSTP/ Mary Victoria Dass

PASIR GUDANG : Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesahkan pencemaran bau Sungai Selangkah di Jalan Seluang, Taman Tanjung Puteri Resort di sini, bukan berpunca daripada kilang yang beroperasi di sekitar kawasan itu.

Pengarah JAS Johor, Dr Mohd Famey Yusoff berkata, hasil siasatan dijalankan pihaknya mengesyaki terdapat pelepasan air kumbahan mentah dari rumah pam yang rosak berhampiran kawasan berkenaan.

Beliau berkata, berlaku pengaliran keluar daripada rumah pam berkenaan yang memasuki terus ke sungai terbabit.

Katanya, jabatan itu sudah meminta pengurusan rumah pam berkenaan menjalankan usaha membiak pulih kerosakan dengan serta merta bagi mengelakkan kejadian berulang.

"Mereka juga diminta untuk mengemukakan laporan kerja-kerja pembaikan manakala pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga dimaklumkan bagi tindakan susulan mengikut bidang kuasanya," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Ahli Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) zon Tanjung Puteri, Omar Ponijan berkata, kejadian berlaku apabila rumah pam di Rumah Pangsa Air Biru tidak dapat berfungsi dengan baik akibat kerosakan mesin jana kuasa.

Beliau berkata, buat masa ini, kerja pembaikpulihan sedang dijalankan manakala tahap pencemaran bau di Sungai Selangkah semakin pulih dan warna sungai juga semakin baik.

"Kami menerima maklum balas daripada penduduk yang tinggal berhampiran sungai bahawa keadaan sudah semakin baik." Kami berharap kejadian seumpama itu tidak berulang pada masa depan kerana ia menjejaskan keselesaan ramai," katanya ketika dihubungi.

Kelmarin, dilaporkan kira-kira 100 penduduk yang tinggal berhampiran Sungai Selangkah di Jalan Seluang, Taman Tanjung Puteri Resort di sini bimbang dengan masalah pencemaran bau yang berulang kebelakangan ini.

Penduduk yang menghuni di kira-kira 30 kediaman terletak pada jarak 100 meter daripada sungai berkenaan mendakwa masalah itu bukan baharu dan kini semakin serius yang dikhuatiri boleh menjejaskan kesihatan ramai terutama warga emas dan kanak-kanak.

4.	TAJUK	CUACA PANAS MELAMPAU DI ASIA BERPUNCA AKIBAT PERUBAHAN IKLIM
	SUMBER	BH ONLINE (15 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Cuaca panas melampau di Asia berpunca akibat perubahan iklim

Mei 15, 2024 @ 10:16am



Kanak-kanak menyejukkan badan menggunakan pancuran mandian mudah alih yang disediakan kerajaan tempatan ketika cuaca panas melampau di Valenzuela, Metro Manila, Filipina. - Foto REUTERS

SINGAPURA: Suhu melampau di seluruh Asia bulan lalu menjadi lebih teruk berbanding biasa, berkemungkinan besar akibat perubahan iklim didorong perbuatan manusia, kata sepasukan saintis antarabangsa hari ini.

Berbilion penduduk seluruh benua Asia terjejas oleh suhu yang memecah rekod sepanjang April, dengan sekolah terpaksa ditutup, tanaman rosak dan ratusan orang terbunuh akibat penyakit berkaitan haba, kata pakar iklim Kumpulan Kesan Cuaca Sedunia dalam satu laporan.

Myanmar, Laos dan Vietnam mengalami hari paling panas dalam rekod pada April, manakala suhu di India mencecah setinggi 46 darjah Celsius, menurut laporan mereka.

"Dari Gaza ke Delhi ke Manila, orang menderita dan mati apabila suhu April meningkat di Asia," kata Friederike Otto, Pensyarah Kanan Sains Iklim di Institut Perubahan Iklim dan Alam Sekitar Grantham, salah seorang pengarang laporan itu.

Katanya, gelombang haba sentiasa berlaku tetapi haba tambahan, didorong oleh pelepasan industri minyak, gas dan arang batu, mengakibatkan kematian bagi ramai orang.

Di Filipina, salah satu negara yang paling teruk dilanda bahang panas, pihak berkuasa mengeluarkan amaran kesihatan, menutup sekolah dan catuan bekalan elektrik kerana suhu yang meningkat mengancam grid kuasa negara itu.

Gelombang haba selama 15 hari, yang bermula pada pertengahan bulan, 'hampir mustahil diharungi' berikutan fenomena cuaca El Nino, tanpa diburukkan lagi oleh kesan pemanasan global akibat perbuatan manusia, kata laporan itu.

Sebahagian wilayah di Asia Barat menyaksikan suhu yang memecahkan rekod sepanjang 24 hingga 26 April, dengan Tel Aviv mencecah 40.7 darjah Celsius.

Suhu melampau di Asia Barat kali ini lima kali ganda lebih berkemungkinan berpunca akibat perubahan iklim, unjur laporan itu.

"Panas yang kami lihat benar-benar menambah krisis yang sudah teruk pada masa ini di Gaza," kata Carolina Pereira Marghidan dari Pusat Iklim Bulan Sabit Merah pada satu taklimat semalam.

Suhu di sekitar Kolkata India pada akhir April mencecah 46 darjah Celsius, 10 darjah Celsius lebih tinggi daripada suhu purata bermusim.

Sehubungan itu, perubahan iklim menjadikan kemungkinan peningkatan suhu melampau di seluruh Asia Selatan meningkat sehingga 45 kali ganda, tambah laporan itu.

Kerajaan di Asia perlu mengambil tindakan untuk menyesuaikan diri dengan suhu yang meningkat dan mengurangkan risiko kesihatan, terutama di bahagian di mana penduduknya terdedah kepada ancaman cuaca, kata Marghidan.

"Memandangkan kadar haba melampau meningkat... kami melihat keperluan besar untuk pelan tindakan haba dipertingkatkan dan rancangan semasa untuk ditambah baik di seluruh Asia," katanya. – REUTERS

5.	TAJUK	PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING FASA 2 : NRES GUBAL UNDANG-UNDANG BERKAIT PELEPASAM
	SUMBER	BH ONLINE (16 MEI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling Fasa 2: NRES teliti keperluan gubal undang-undang berkait pelepasan

Oleh [Ilah Hafiz Aziz](#) - Mei 16, 2024 @ 9:21pm
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



(Gambar fail) Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar, Nik Nazmi Nik Ahmad. - NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES) akan meneliti keperluan untuk penggubalan undang-undang berkaitan pelepasan, dalam pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling Fasa 2.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata walaupun Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 membabitkan pindaan Fasa 1 sudah diluluskan oleh Parlimen pada 4 April lalu, NRES komited ke arah penambahbaikan berterusan.

"NRES mengalu-alukan cadangan untuk mengukuhkan perundangan dan peraturan berkaitan alam sekitar, khususnya dalam pindaan Fasa 2 akan datang.

"Dengan iltizam ini, kita terbuka untuk mempertimbangkan cadangan Majlis Peguam mengenai keperluan dan keberkesanan undang-undang berkaitan pelepasan dalam mencapai matlamat alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Isnin lalu, BH melaporkan Badan Peguam Malaysia mencadangkan supaya **undang-undang rasmi berkaitan emisi** diwujudkan dalam usaha meningkat dan menguatkuasakan keperluan pematuhan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Yang Dipertuanya, Mohamad Ezri Abdul Wahab dipetik menjelaskan undang-undang itu sekiranya diwujudkan, akan memberi rangka kerja yang boleh dikuatkuasakan untuk mengurangkan emisi, menambah baik amalan mampan dan meningkatkan tadbir urus korporat.

Mengulas lanjut, Nik Nazmi berkata, NRES mengaku perlindungan alam sekitar yang berkesan memerlukan kerjasama erat antara agensi kerajaan, pihak industri dan orang awam.

"Kami mengalu-alukan perbincangan dan maklum balas bagi mengukuhkan peraturan sedia ada demi memastikan udara lebih bersih dan persekitaran lebih sihat untuk semua rakyat negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) sedia ada merupakan asas dalam pengurusan pelepasan industri dan kenderaan bermotor di Malaysia.

Katanya, akta itu disokong oleh peraturan seperti Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 (PUB 2014), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan dari Enjin Petrol) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan dari Enjin Diesel) 1996, dan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Motosikal) Peraturan 2003.

"Peraturan-peraturan itu menetapkan had nilai batas bagi bahan pencemar yang dilepaskan oleh premis industri dan kenderaan bermotor.

"Selain itu, premis industri juga diwajibkan memasang Sistem Pemantauan Pelepasan Berterusan (CEMS) yang turut menggalakkan kawalan sendiri dalam kalangan pemain industri," katanya.

Nik Nazmi berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah mengkaji semula PUB 2014 secara aktif sejak 2021, selepas menyedari kekangan peraturan sedia ada.

"Proses ini meliputi semakan semula nilai batas pelepasan sedia ada dan penambahan elemen baharu seperti kompaun serta caj alam sekitar," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**